

# **ISMAIL AL-FARUQI DAN FAHAM ISLAMISASI ILMU**

*Ahmad Nabil Amir*

**International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)**

**International Islamic University Malaysia (IIUM)**

*nabiller2002@gmail.com*

## **ABSTRACT**

*The paper analyzed Ismail Raji al-Faruqi's (1921-1986) ideas on Islamization of knowledge and his critical contribution in articulating modern Islamic worldview and expounding its progressive and inclusive outlook. It discusses his deeply significant framework and methodology in articulating the ideas of Islamization of knowledge and propounding major doctrine of tawhid in the light of his works such as Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan, Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life dan etc. The study is based on library research using qualitative approaches by documenting sources derived from some major works of al-Faruqi and other relevant materials. The data was analyzed using descriptive, analytical, and comparative method. The study concluded that al-Faruqi has bring forth universal Islamic worldview that propounded transcendental religious and philosophical outlook based on his rational and universal premises. His philosophical ideal was founded on critical methodology of tawhid that was instrumental in projecting*

*his Islamization of knowledge movement and in propounding its scientific and rational outlook in order to revived the spirit of reform and reconstructing ijtihad and reclaiming the universal and creative ummatic world order.*

**Keywords:** *Al-Faruqi, thought, Islam, civilization, Islamization of knowledge*

## Pendahuluan

Antara krisis utama dalam pendidikan tinggi di dunia Islam adalah dasar pendidikan sekular yang diasak dalam amalan pendidikan yang berasal dari warisan penjajah yang membawa faham dualisme dan dikotomi ilmu. Sistem yang menafikan ilmu ketuhanan yang memisahkan faham wahyu dan akal, nilai moral dan akhlak ini telah menimbulkan kekacauan dan kekeliruan yang mendasar dan mengakibatkan krisis moral dan intelektual yang parah di tengah umat. Dekonstruksi nilai dan kebejatan sistem inilah yang dibahaskan dalam Konferen Dunia Pertama mengenai Pendidikan Islam di Mekah pada 1977 yang merumuskan bahawa krisis sebenar yang membelenggu umat adalah krisis intelektual. Kegawatan dan permasalahan pendidikan ini telah berusaha ditangani dengan konsensus yang dicapai dalam Konferens tersebut untuk mewujudkan sebuah universiti Islam. Ini direalisasikan pada tahun 1983 dengan penubuhan IIUM yang mengambil peranan untuk membawa aspirasi perubahan dan mereformasi sistem pendidikan, melalui usaha pengislaman dan pengintegrasian ilmu dan nilai. Selaras dengan itu, kajian ini diusahakan bagi menganalisis peranan Ismail Raji al-Faruqi (1921-1986) dalam memperkenalkan sistem dan falsafah pendidikan yang integral dan moden berasaskan epistemologi dan doktrin tauhid. Dasar-dasar yang diperkenalkannya telah dikembangkan dan digunakan dalam sistem pendidikan di institusi pemikiran dan pengajian tinggi serta badan-badan ikhtisas dan pertubuhan Islam peringkat antarabangsa yang diwujudkannya seperti IIIT (Institut Pemikiran Islam Sedunia) dan IIUM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) yang berperanan dalam menggerakkan dan memimpin perubahan dalam pendidikan dan dakwah.

Kajian memfokuskan kepada usaha pengislaman ilmu (Islamiyyat al-Ma'rifat) dan integrasi sains (Takamul al-Ma'rifi) yang digerakkan al-Faruqi sejak awal dasawarsa 1980an.

Beberapa kajian lepas yang menganalisis projek Islamisasi ilmu Ismail al-Faruqi, idealisme perjuangan dan pemikirannya telah dibincangkan secara umum dalam banyak tulisan mutakhir, antaranya Muhammad Mumtaz Ali dalam bukunya *The History and Philosophy of Islamization of Knowledge*, Mohamed Aslam Haneef dalam bukunya *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*, Mohd Kamal Hassan dalam makalahnya *Islamization of Human Knowledge* dan Anwar Ibrahim dalam teks kertas ucaptamanya di simposium Reform of Higher Education in Muslim Societies bertajuk “The Reform of Muslim Education and the Quest for Intellectual Renewal”. Menurut Muhammad Mumtaz Ali, gerakan ‘Islamisasi Ilmu’ telah menimbulkan perdebatan yang serius di kalangan para cendekiawan tentang sifat ilmu dan pendidikan. Perdebatan ini diselubungi oleh beberapa salah faham. Karyanya bermaksud untuk menjelaskan kesalahfahaman ini dengan meneroka makna, ruang lingkup dan metodologi pengislaman ilmu. Ia menangani hal-hal terkait istilah, konsep, persepsi, prinsip dan rangka kerja gerakan. Bukunya menjelaki latar sejarah di mana konsep dan gerakan ini pada mulanya dikembangkan dan menjelaskan beberapa aspek mengenainya. Ini membolehkan pembaca memahami dengan lebih baik dasar falsafah gerakan Islamisasi Ilmu. Ia memperkenalkan institusi-institusi penting dan para perintis yang telah mengidentifikasi keperluan pergerakan ini dan juga menyumbang ke arah konseptualisasinya. Bukunya membantu pembaca – dalam mengidentifikasi dan mengartikulasi tema-tema pokok dan mempermudah mereka menganalisis, menilai dan memahami dengan lebih baik rangkaian penuh ‘Islamisasi Ilmu’. Ia juga menerangkan keperluan bagi pengislaman pengetahuan agama. Bukunya memperlihatkan bahawa gerakan ini secara intelektualnya dapat diandalkan dan secara praktikalnya relevan dengan semua manusia – baik Muslim mahupun bukan Islam. Ia menjelaskan bahawa Islamisasi tidak terbatas kepada mana-mana kumpulan sarjana Islam yang tertentu, sebaliknya, ia adalah agenda semua mazhab pemikiran yang berbeza di dunia Islam hari ini. Ini adalah prasyarat yang

diperlukan untuk membangunkan paradigma yang komprehensif dan seimbang bagi pengembangan tamadun manusia yang dapat dilihat sebagai alternatif kepada paradigma pembangunan Barat yang dominan saat ini.

Menurutnya, sejak penubuhan universiti-universiti Islam Antarabangsa di dunia Islam dan peluncuran gerakan Islamisasi Ilmu di bawah International Institute of Islamic Thought (IIIT), Herndon, Virginia, sejumlah persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah diadakan terkait isu Islamisasi ilmu. Selain dari persidangan-persidangan ini, pelbagai bengkel telah membincangkan dan memperdebatkan isu Islamisasi. Para cendekiawan tak putus menerbitkan makalah tentang Islamisasi dalam The American Journal of Islamic Social Sciences dan Muslim Education Quarterly. Tambahan lagi, sebilangan besar buku telah diterbitkan berkaitan dengan aspek-aspek konseptual, metodologis, dan epistemologis yang berbeza dari Islamisasi ilmu. Meski dengan semua usaha ini, sebahagian sarjana tetap tidak yakin dengan agenda Islamisasi, berhujah bahawa ia tidak relevan mahupun mendesak. Yang lain meluahkan ketidakpuasan mereka dengan penggunaan istilah “Islamikisasi” atau “kontekstualisasi” ketimbang “Islamisasi.” Malah, seorang teman memberitahunya bahawa International Institute of Islamic Thought yang berpangkalan di Herndon [IIIT], Virginia dan gerakan Islamisasi Ilmu mempunyai agenda tersembunyi. Justeru banyak kalangan seperti itu percaya idea tentang Islamisasi Ilmu harus dihentikan; mereka berkeras untuk menggantikan mata kuliah Islamisasi dengan mata kuliah yang lain, dan ini termasuk mata kuliah seperti Isu-Isu Islamisasi Ilmu yang diajarkan di Kulliyyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Kumpulan ini juga menyatakan bahawa istilah atau konsep tersebut hanya berguna bagi sains sosial, tetapi tidak relevan dengan disiplin ilmu pengetahuan berteraskan wahyu atau pengetahuan-pengetahuan agama kerana disiplin-disiplin ini telahpun Islam dalam akar dan sifatnya.

Selain itu, terdapat hujah bahawa sains sosial mungkin memerlukan Islamisasi, tetapi sains tabii dan teknologi tidak memerlukannya, kerana mereka adalah sains tulen yang berasaskan

pemerhatian fakta, dan kerananya neutral dan bebas dari prasangka ideologi. Dengan demikian, mereka tidak boleh dipanggil sains Islam atau sains Barat, atau teknologi Islam atau teknologi Barat dalam hal ini. Sebahagian sarjana berpandangan bahawa isu Islamisasi bukan semata-mata isu integrasi ilmu atau pemisahan aspek-aspek sekular daripada kumpulan pengetahuan sedia ada. Proses Islamisasi sama sekali tidak sama dengan “memisahkan antah daripada beras.” Dengan itu mereka menyimpulkan Islamisasi Ilmu hanyalah sekadar anutan. Melainkan ia diberikan penjelasan falsafah yang mendalam, ia akan disalahfahami sebagai “penyederhanaan yang berlebihan dari proses yang jauh lebih kompleks dan sulit.”

Sebahagian berpendapat bahawa Islamisasi Ilmu terbatas kepada penghasilan buku teks bagi pelajar siswazah, dan tidak ada hubungannya dengan bidang lain yang lebih luas dari kebangkitan Islam. Islamisasi, menurut mereka, melemahkan gerakan Islam apabila ia didahulukan daripada kegiatan kebangkitan Islam, dan oleh kerananya, ia menjadi hambatan ke arah matlamat gerakan Islam. Terdapat kelompok sarjana yang lain yang memandangnya sebagai sebahagian daripada agenda parti politik Islam, yang mengaitkan gerakan Islam dengan sesetengah pemimpin politik dan percaya bahawa ia akan sama ada diabaikan atau dipinggirkan dengan perubahan kepemimpinan politik. Pendeknya, banyak salah pengertian yang meliputi isu Islamisasi Ilmu. Salah tanggapan ini telah secara negatif menjelaskan kepentasan proses Islamisasi (Ali, 2019).

Dalam tulisannya, “Islamization of Human Knowledge” Mohd Kamal Hassan meninjau tentang teori pengislaman ilmu-ilmu akliyah (humanoria) dan faham integrasi ilmu (takāmul al-ma‘rifī) yang menjadi landasan penting dalam kaedah dan instruksi pembelajaran yang dipelopori di UIAM dengan menggariskan kerangka manhajnya yang instruktif. Karyanya turut mengetengahkan konsep relevantisasi (mu‘āsarah) dalam tradisi ‘ulūm al-dīn atau ‘ulūm naqliyyah atau ‘ulūm shar‘iyyah yang menuntut pembaikan (islāh) dan pembaharuan (tajdīd) dalam abad moden dan peningkatan yang berterusan dalam arus perubahan waktu (mutaghayyirat) untuk mengekalkan kerelevennannya dengan isu-isu persekitaran, peradaban dan kemanusiaan kontemporier.

Tulisannya turut menghuraikan konsep dan gagasan Islamisasi ilmu pengetahuan manusia yang dikembangkan dalam disiplin humaniora, sains sosial dan kemanusiaan, ilmu-ilmu alam tabii dan fizikal, ilmu-ilmu terapan, kejuruteraan dan teknologi serta sains perubatan. Gagasan ini menfokuskan kepada pengintegrasian pandangan alam, paradigma, epistemologi, perspektif, prinsip, nilai dan norma Islam ke dalam cabang-cabang ilmu pengetahuan manusia seperti agama, falsafah, literatur, kesusastraan, bahasa, kesenian dan lain-lainnya. Ini termasuk inisiatif lain seperti penyegaran (*ihya'*), pemodenan (*tahdith*) dan usaha-usaha intelektual dan akademik yang digerakkan bagi merealisasikan visi pengislaman ilmu yang diusahakan secara terancang dan strategik, melalui upaya pengintegrasian yang komprehensif di Kulliyyah, dengan masukan Islam atau “*Islamic Input*”. Buku ini penting dalam menyumbang kepada pengembangan idea dan perumusan semula ilmu pengetahuan manusia yang diacu dari kerangka dan pandangan sekular supaya selaras dengan prinsip dan kriteria wahyu, serta memperluas dan mempesatkan misi integratif dengan menggariskan manhaj yang holistik ke arah integrasi ilmu-ilmu agama dan sains sosial, dan mengembangkan fahaman *maqāsid* dan nalar *ijtihad* dalam usaha merealisasikan visi-visi Islam sebagai model dalam pendidikan tinggi bagi mengatasi krisis pendidikan dan peradaban semasa (Hassan, 2011).

Mohamed Aslam Haneef dalam bukunya *A Critical Survey of Islamization of Knowledge* turut menganalisis sumbangan kritis al-Faruqi kepada gerakan Islamisasi ilmu. Ia membincangkan Islamisasi ilmu (*Islamization of Knowledge - IOK*), sebagai projek yang mewakili respon balas intelektual Muslim terhadap kemodenan. Respon intelektual ini, bermula pada akhir 1960an dan menjadi ciri penting dari perdebatan dan perbincangan ilmiah menjelang akhir 1980an dan awal 1990an. Kajiannya cuba mengajukan tinjauan ulang yang komprehensif terhadap IOK, membincangkan pemandangan pelopor-pelopor utama serta pengkritiknya dan merangkumkan isu-isu terkait takrif, rasional, and proses Islamisasi ilmu itu sendiri. Ia menyediakan rujukan materi yang berharga bagi para peneliti muda dan sarjana yang ingin membangunkan seperangkat pengetahuan kontemporer dari perspektif Islam.

Kajiannya melihat secara spesifik kepada pemikiran Ismail al-Faruqi dan hubungannya dengan Institut Pemikiran Islam Sedunia (IIIT) yang berpangkalan di Herndon, USA sebagai antara titik awal dan asal-usul yang mewujudkan agenda IOK. Ini dibandingkan dengan penggalan bab dari buku Wan Mohd Nor Wan Daud pada tahun 1998 tentang pemikiran dan amalan Syed Muhammad Naquib Al-Attas, yang memberikan analisis yang baik tentang “respon utama intelektual semasa” terhadap kemodenan, termasuk IOK, di mana penguraian yang panjang diajukan tentang idea-idea Al-Attas dan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC).

Beliau turut melihat peranan berkala American Journal of Islamic Social Science (AJISS) yang menonjol sebagai pengantara utama bagi pembangunan projek IOK. Menurutnya tidak salah untuk mengatakan yang American Journal of Islamic Social Science (AJISS) telah menjadi jurnal IOK. Diterbitkan bersama oleh Association of Muslim Social Scientists (AMSS) dan Institut Pemikiran Islam Sedunia (IIIT) yang berpangkalan di Herndon, Virginia, jurnal tersebut yang dalam ulangtahun ke-23 penerbitannya, telah mengukuhkan dirinya sebagai salah satu berkala yang paling banyak dibaca dan bereputasi dalam kesarjanaan Islam semasa. Tidak salah untuk mengatakan yang anggota pendiri AJISS, seperti almarhum Ismail Raji al-Faruqi, melihat jurnal tersebut sebagai jalan penting bagi memajukan agenda IOK (Haneef, 2005).

Dalam teks kertas ucaptamanya di simposium Reform of Higher Education in Muslim Societies DS Anwar turut membahas tentang beberapa aspek krusial pemikiran al-Faruqi. Ia mengetengahkan persoalan yang krusial tentang aspirasi pembaharuan dalam sistem pendidikan tinggi di dunia Islam. Ia mengungkapkan dasar pendidikan yang ketinggalan dan bobrok yang diwarisi dari penjajah yang berpijak dari faham sekular yang usang. Dalam menggerakkan reformasi pendidikan ini, tulisannya menggagaskan perubahan yang menyeluruh tentang faham, nilai dan ideal pendidikan yang digarap dari falsafah dan tradisi intelektual Islam. Ini diketengahkan dari fikrah dan idealisme pembaharuan kaum modernis dan intelektual seperti Ismail Raji al-Faruqi, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Fazlur Rahman, Taha Jabir al-

Alwani, Muhammad Iqbal, Malik Bennabi, Muhammad al-Ghazali dan lain-lainnya. Kefahaman tentang falsafah pendidikan yang dirumuskan ini digarap dengan berkesan dengan mencerakinkan nilai falsafah dan pemikiran yang ideal yang diutarakan yang menjadi landasan penting dari visi pendidikan yang diperjuangkan dalam sistem dan kurikulum pendidikan tinggi di dunia Islam (Ibrahim, 2013).

Beliau turut mengulas tentang ‘sentimen moral’ yang menjadi prinsip penuntun dalam ekonomi politik sebagai disimpulkan oleh al-Faruqi dimana tindakan ekonomi merupakan ekspresi dari kerohanian Islam: Ekonomi ummah dan kesejahteraannya yang baik adalah intisari Islam sebagaimana kerohanian Islam tidak wujud tanpa tindakan ekonomi yang adil (Al-Faruqi, 1982b). Menurut al-Faruqi, jika kebijakan harus berfungsi sebagai alat agama yang tujuannya adalah kesejahteraan manusia, maka ia harus memiliki sebagai objeknya barang yang mempunyai nilai ekonomi. Agama, justeru, berusaha untuk menundukkan tabiat ekonomi manusia kepada norma-norma moral. Islam, agama unggul yang mengisbatkan-dunia, berusaha untuk mengatur kehidupan manusia untuk membuatnya merealisasikan acuan yang dimaksudkan terhadapnya oleh Penciptanya. Justeru diktet Islam: Inna al din al-mu'amalah (Agama sesungguhnya adalah pelayanan manusia pada sesamanya) (Al-Faruqi, 1982b). Dalam melihat pada ekonomi pendidikan, sementara motif keuntungan mungkin merupakan faktor yang sah, ia tidak dapat digerakkan hanya oleh keuntungan-diri. Sebaliknya selaras dengan diktet Islam tentang kebijakan sebagaimana diuraikan oleh al-Faruqi, di mana tujuan agama adalah kesejahteraan manusia, penganjuran pendidikan harus diterapkan sebagai keutamaan yang setara dengan keutamaan yang lain seperti “kemanusiaan, keadilan, kemurahan, dan kepedulian sosial.”

Kertas kerjanya turut mengupas falsafah al-Faruqi terkait nilai pendidikan, rasionaliti dan ijтиhad. Pendidikan harus bertolak di atas dasar rasionaliti dan dengan itu ijтиhad. Istilah ini digunakan dalam pengertian seperti mana dijelaskan oleh Al-Faruqi, di mana beliau berkata: “Sebagai prinsip metodologis, rasionalisme membentuk intisari dari peradaban Islam...Rasionalisme tidak bermaksud keutamaan akal ke atas wahyu tetapi penolakan sebarang pertikaian yang muktamad antara

keduanya” (Faruqi, 1986), Al-Faruqi mempersesembahkan Islam sebagai agama yang unggul dengan kekuatan akhlak, sains, dan kemajuan dengan penekanan yang kuat terhadap amalan dan etika kerja. Sebarang usul bahawa penganjuran rasionaliti dalam penyataan tentang polisi dan prinsip pendidikan adalah berakar dalam pemikiran sekular justeru tidak berasas (Yusuf, 2012). Bagi kemajuan ummah, Al-Faruqi menganjurkan proses tajdid dan islah yang fundamental bagi memperbaharui dan memperbaiki sistem pendidikan.

## Pembahasan

Ismail Raji al-Faruqi (1921-1986) adalah pemikir Islam yang besar yang telah menyumbangkan pandangan dan idea-idea progresif dalam pemikiran Islam kontemporer. Beliau telah menghasilkan lebih 25 buah karya yang membahas dengan komprehensif pemikiran agama, falsafah, sejarah, teologi, perbandingan agama, etika dan kebudayaan Islam. Setelah meninggalkan tanah airnya di Palestin, beliau berhijrah ke Amerika dan memulakan sejarah baru dalam perjuangan memperbaharui pemikiran dan mengangkat harakat umat dan peradaban modennya. Antara sumbangannya yang penting ialah dalam mengerakkan dialog antara peradaban, mencetuskan idea islamisasi ilmu, memperkenalkan kursus tamadun Islam dan perbandingan agama, dan mengikat jaringan persefahaman antara agama-agama samawi dari warisan kepercayaan Ibrahim (Abrahamic Faith). Pada tahun 1973, al-Faruqi memperkenalkan bahagian Islam dalam American Academy of Religion (AAR) dalam forum agama-agama samawi. Beliau merupakan pendiri bersama International Institute of Islamic Thought (IIIT) dan Association of Muslim Social Scientists (AMSS). Beliau juga menjadi presiden American Islamic College di Chicago.

Melihat kepada keluasan pengaruh dan ketinggian falsafah intelektual dan keterbukaannya ini, Chandra Muzaffar memperincikan tentang kerangka dan nilai moraliti yang dibawanya dalam syarahannya pada Ismail al-Faruqi Memorial Lecture: “*Professor Ismail al-Faruqi was undoubtedly one of the most accomplished and one of the most illustrious thinkers that the Muslim world has produced in recent decades. His writings, which span a whole spectrum of social concerns,*

*have contributed immensely to a better understanding of tawhid, Islamic culture, and interfaith dialogue among both Muslims and non-Muslims. As a committed intellectual who translated ideas into action, the late Professor al-Faruqi was an honest and principled voice in the struggle for a just world. It was because of his own integrity that he regarded morality in public life as fundamental to social justice”(Muzaffar, 2002).* Dalam menggagaskan idea Islamisasi ilmu, al-Faruqi banyak diilhamkan dari pemikiran filasuf Islam zaman klasik seperti al-Farabi, Imam al-Ghazali, dan Ibn Rushd sehingga pemikir moden seperti Muhammad Abdurrahman dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Dalam Seminar Antarabangsa tentang Islamisasi Ilmu (International Seminar on Islamization of Knowledge) yang diadakan di Islamabad pada 4-9 Januari 1982 (7-12 Rabiul-Awwal 1402) al-Faruqi telah membentangkan kertas kerja yang mendasar tentang permasalahan dan gerak kerja Islamisasi ilmu, dan menggariskan prinsip, metodologi dan objektifnya. Seminar yang dianjurkan bersama oleh National Hijra Committee, Pakistan dan International Institute of Islamic Thought, Wyncoate, Pennsylvania, USA itu turut dihadiri oleh para pelopor terkemuka Islamisasi ilmu seperti Fazlur Rahman. Kertasnya telah diterbitkan dalam prosiding seminar yang bertajuk “Knowledge for What”. Menjelaskan metodologinya tentang Islamisasi ilmu, al-Faruqi menyebut: “*As pre-requisite for the removal of dualism from the educational system, which is in turn a prerequisite for the removal of dualism from life, for the solution of the malaise of the ummah, knowledge ought to be Islamized. While avoiding the pitfalls and shortcomings of traditional methodology, Islamization of knowledge ought to observe a number of principles which constitute the essence of Islam*”(Al-Faruqi, 1990). Al-Faruqi menekankan prinsip tauhid, dan kesatuan sebagai pemangkin dalam usaha pengintegrasian dan pengislaman ilmu. Ia juga kental dengan kekuatan visi dan inisiatifnya menganjurkan dialog, dan mengikat persefahaman antara agama dan budaya, dalam usahanya untuk menyelidiki dan memahami sejarah agama-agama dunia dan menghargai pandangan moral dan kemanusiaannya, yang percaya pada nilai transenden dan universal dan keperluan mengembangkan dialog antara agama (Zuriati Mohd Rashid, 2010), seperti yang dirintis dalam sejarah dengan kewujudan Convivencia di Andalus.

Sumbangannya dalam mentransformasi nilai-nilai Islam di Malaysia dan pengaruhnya dalam aliran pemikiran dan dakwah yang digerakkan oleh ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) juga cukup luas. Tulisan-tulisannya memberikan dampak yang besar dan mengesankan dalam mencetuskan arus kebangkitan Islam di era 70 dan 80 an. Gagasan dan falsafah moral dan akliyahnya telah memungkin kesedaran dan transformasi yang signifikan dalam perjuangan dakwah dan pengembangan harakat budaya dan intelek di Malaysia. Karyakaryanya mempunyai pengaruh yang besar dalam mencetuskan kefahaman dan fikrah Islam yang rasional dan dinamis. Buku-bukunya dijadikan teks wajib dalam gerakan Islam khususnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang terpengaruh dengan corak dan aliran pemikiran Islam al-Faruqi yang bergaris sederhana dan inklusif. Hasil penulisannya yang penting seperti *The Hijrah: the Necessity of its Iqamat or Vergegenwartigung* (Hakikat Hijrah, 1985); *Islam; Islamization of Knowledge: General Principles and the Work-Plan; Trialogue of the Abrahamic Faiths; Tawhid: Its Implications For Thought and Life; Islam and the Problem of Israel; Islam and Other Faiths; The Cultural Atlas of Islam* (Atlas Budaya Islam, 1992) dan karya-karya besar yang diterjemahkannya seperti *The Life of [Prophet] Muhammad (saw)* oleh M. Husayn Haykal; *From Here We Start (Min Huna Nabda')* oleh Khalid M. Khalid; *Our Beginning in Wisdom (Min Huna Na'lam)* oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali telah mewarnai pemikiran dan fikrah Islam semasa dan mengembangkan legasi dan pengaruh ideologi dan mazhab pemikirannya di Malaysia.

Beliau merupakan pelopor yang menggerakkan dasar Islamisasi di Malaysia, yang melakarkan teori integrasi ilmu dan nilai, dan menganjurkan kursus peradaban (civilization) sebagai subjek mandatori di universiti-universiti awam di Malaysia, bagi meningkatkan kefahaman tentang sejarah pemikiran dan peradaban dunia dan kesedaran tentang prinsip dan nilai budaya yang universal, dimana subjek ini “*should seek to give the Muslim student knowledge of the first principles of Islam as essence of Islamic civilization in the first year; of the historical achievements of Islamic civilization in the second year; how Islamic civilization compares and contrasts with other civilizations in essence*

*and manifestation, in the third year; and of how Islamic civilization is the only viable option in dealing with the fundamental problems of Muslims and non-Muslims in the contemporary world, in the fourth year”(Al-Faruqi, 1982b).*

Justeru tulisan ini bermaksud menganalisis kontribusi Ismail al-Faruqi yang substantif dalam gerakan Islamisasi ilmu bagi melihat kesan yang signifikan yang dipeloporinya dalam mengangkat martabat dan harakat pendidikan di dunia Islam dan membangunkan tradisi pemikiran dan peradabannya yang moden melalui institusi pengajian seperti IIIT dan UIAM. Ia membuat tinjauan ringkas terhadap idea-idea utama yang diprojeksinya dalam konteks pemikiran Islam kontemporer dan pengaruh falsafah dan manhaj yang digagaskannya dalam kerangka teori dan praktis yang disintesiskan di semua Kulliyyah. Ia menekankan manhaj dan pendekatan Islam yang seimbang - pandangan yang mendasari idea-idea progresif yang diungkapkan dalam karyanya seperti dalam bukunya *Tawhid: Its Implications for Thought and Life*: “*Islam is the religion of the golden mean: “And thus, We made you (the Muslims) an ummah of the golden mean, that you be an exemplary median unto mankind...it is both general and particular, universal and specific, formal and contextual, monolithic and pluralistic, individualistic and specialistic; and that is its strength...Islam is the religion of balance...its very axiology is always a dedicate balancing between two evils or a subtle combination of disparate values...standing between the doer of too much and the doer of too-little”*(Al-Faruqi, 1982b).

Pemikirannya cuba menggarap dan mengembangkan ide Islamisasi ilmu dan faham tauhid yang telah memberikan impak yang besar terhadap pergerakan IOK (Islamization of knowledge) di seluruh dunia. Sumbangannya yang penting terhadap projek ini termasuklah dengan penerbitan buku seperti *Islamization of Knowledge: The General Principles and the Work-Plan, Toward Islamic English* serta penghasilan artikel seperti *Islamizing the Social Sciences; Islam and the Social Sciences; The First Principles of Islamic Methodology; Islamizing the Secondary School; Aslimat al-Ma‘rifah; Nahwa Jami‘ah Islamiyah; Islamization of Knowledge: Problems, Principles and Prospective; Defining Islamic Traditionalism: First Principles in the Islamization of*

Thought, selain penubuhan institusi pemikiran untuk menggerakkan matlamat Islamisasi seperti IIIT (Institut Pemikiran Islam Sedunia) dan IIUM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia). Karya-karya ini membentuk batu asas dari gerakan Islamisasi yang mencerminkan paradigmanya yang progresif dan dinamik tentang sains dan ilmu pengetahuan Islam, dalam mengupayakan pengislaman akal fikiran, integrasi nilai dan faham etika dan moral dan pembaharuan semangat ummatik. Kesan ini sebagai diungkapkan oleh Stefano Bigliardi (2012) dalam artikelnya berjudul “Barbour’s Typologies and the Contemporary Debate on Islam and Science”: “Islamisasi sains yang dianggap (oleh al-Faruqi) sebagai peringkat preliminari dan terpenting dalam pembangunan semula masyarakat Islam, langkah yang tidak boleh diabaikan kerana permasalahan lain yang tampaknya lebih mendesak dan penting dalam masyarakat Islam. Ia adalah titik permulaan dan tulang belakang dari proses Islamisasi yang lebih umum, bertujuan untuk memulihkan semula keterpusatan Islam dalam semua lapangan kehidupan. Al-Faruqi juga menggariskan langkah yang praktis bagi mendukung proses ini: tindakan harus diambil oleh sekumpulan intelektual yang sedar tentang permasalahan dan bertekad menyebarkan kesedaran tentangnya; jaringan harus diwujudkan dengan universiti-universiti Islam”(Bigliardi, 2012).

Pada tahun 1982 al-Faruqi menulis sebuah monograf yang merumuskan bingkai kerja yang komprehensif tentang Islamisasi yang kemudiannya diterbitkan oleh IIIT sebagai *Islamization of Knowledge*. Monograf tersebut didasarkan dari dapatan Seminar Islamisasi Ilmu Pertama di Islamabad pada tanggal 4-9 Januari 1982 (7-12 Rabiul-Awwal 1402), dan didanai bersama oleh National Hijra Committee, Pakistan dan International Institute of Islamic Thought, Wyncote, Pennsylvania, Amerika Syarikat. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan diterbitkan dalam prosiding seminar bertajuk “Knowledge for What”. Kertas kerja al-Faruqi memberikan terobosan yang berkesan dan radikal dalam mengunjurkan pandangan dunia Islam dan pembaharuan ilmu pengetahuan semasa, sebagaimana diartikulasikan oleh Anne Sofie Roald (1998) dalam artikelnya tentang al-Faruqi: “Fokus utama karya al-Faruqi adalah pendidikan generasi baru Muslim, yang bersekolah menurut metodologi moden, tetapi berorientasikan Islam. Percaya bahawa banyak

masalah di dunia Islam adalah disebabkan golongan elit dan pencabangan dua pendidikan dalam masyarakat Islam, beliau menangani permasalahan ini dengan pelbagai cara, menggabungkan pemikiran dengan tindakan, dan ideologi dengan penginstitusian dan implementasi...di tengah-tengah visinya adalah Islamisasi Ilmu...tujuannya untuk membangkitkan kaum Muslim supaya menjadi peserta yang aktif dalam kehidupan intelektual manusia dan menyumbang kepada danya dari perspektif Islam. Meskipun ‘Islamisasi ilmu’ al-Faruqi mungkin kini kelihatan pada sesetengah orang tidak cukup matang, seseorang harus ingat tentang sensasi yang tercipta kira-kira dua dasawarsa lalu ketika pertama kali ia diterbitkan dan menemui jalannya kepada ahli akademik Islam di seluruh dunia”(Halim, 2007).

Al-Faruqi melakarkan kerangka dasar Islamisasi yang instruktif dan sistematik, dengan merumuskan visi pokok dan landasan falsafah dari gerakan itu, dan memberikan hujah yang substantif dan fundamental terhadap idea Islamisasi pemikiran, “tugas besar yang mendepani pemimpin dan intelektual Muslim adalah untuk merombak semula seluruh legasi ilmu pengetahuan manusia dari sudut pandang Islam. Visi Islam tidak akan menjadi suatu visi kecuali ia menjadi visi tentang sesuatu, yakni, kehidupan, realiti, dan dunia. Visi itu adalah objek kajian dari berbagai disiplin. Untuk merombak semula ilmu pengetahuan sebagaimana Islam terkait dengannya, adalah untuk mengislamkannya; i.e., untuk mentakrifkan semula dan menyusun semula parameter dan data, untuk memikirkan semula penalaran dan hubungan timbal balik antara data, untuk menilai semula kesimpulan, untuk mengunjurkan semula matlamat, dan untuk melakukannya sedemikian rupa bagi menjadikan disiplin yang dibangunkan semula memperkaya visi dan melayani tujuan Islam”(Al-Faruqi, 1982a).

Dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Islamisasi Ilmu (1982), dan sebahagiannya diterbitkan oleh berkala Islamic Thought and Scientific Creativity bertajuk “The First Principles of Islamic Methodology”, al-Faruqi menggariskan prinsip dan bingkai kerja yang sistemik dan komprehensif tentang Islamisasi Ilmu, yang diketengahkan bagi menolak klaim ideologi Barat dan menegaskan semula prinsip dan nilai Islam yang universal: “Sebagai pra-syarat untuk

menghapuskan dualisme daripada sistem pendidikan, yang pada gilirannya merupakan prasyarat bagi menghapuskan dualisme daripada kehidupan, sebagai penyelesaian terhadap kelesuan ummah, ilmu pengetahuan harus diislamkan. Sementara menghindari jebakan dan kelemahan metodologi tradisional, Islamisasi ilmu harus memperhatikan sejumlah prinsip yang membentuk intisari Islam”(Al-Faruqi, 1990). Beliau menekankan lima prinsip kunci Islam, i.e. (1) Ketauhidan Allah [subhanahu wa ta’ala] (2) Kesatuan penciptaan (3) Kesatuan kebenaran dan Kesatuan ilmu (4) Kesatuan hidup (5) Kesatuan kemanusiaan, yang memaknai prinsip-prinsip Islam. Prinsip ini dihuraikan dengan terperinci dalam artikelnya “Defining Islamic Traditionalism: First Principles in the Islamization of Thought” yang memberikan kerangka yang komprehensif dan strategik tentang pemikiran Islam dan menggariskan tugas utama dalam pengislaman dan rangka kerjanya yang sistematik: “untuk maksud ini, kategori-kategori metodologis atau prinsip-prinsip metodologis-yang relevan dengan Islam, yakni, kesatuan kebenaran, kesatuan ilmu, kesatuan kemanusiaan, kesatuan hidup, karakter yang telik [bertujuan] dari penciptaan, dan ketundukan makhluk kepada manusia dan manusia kepada Allah [swt], harus menggantikan kategori-kategori Barat dan menentukan persepsi dan pengaturan realiti...nilai-nilai ini, terutamanya kemanfaatan ilmu untuk kebahagiaan manusia, pengembangan fakulti manusia, dan pembentukan semula penciptaan untuk mengukuhkan corak ilahi, harus dimanifestasikan dalam pembinaan budaya dan peradaban dan dalam model manusia tentang ilmu dan kebijaksanaan, kepahlawanan dan kebajikan, dan ketakwaan dan kekudusan”(Halim, 2007).

Dalam usaha pengislaman sains sosial, al-Faruqi menukilkan pemandangannya dalam buku Social and Natural Science yang dedit bersama Abdullah Omar Nascef dalam artikel pengenalannya “Islamizing the Social Science” yang menggariskan keperluan “untuk membangunkan paradigma alternatif tentang ilmu bagi kedua-duanya sains tabii dan sosial dan untuk memikirkan dan membentuk disiplin yang paling relevan dengan keperluan masyarakat Islam kontemporer”(Naseef, 1981). Ia melakarkan bingkai kerja yang komprehensif tentang Islamisasi dan membangunkan konstruk dan

pandangan dunianya yang khas sebagai alternatif kepada sistem dan konvensi Barat “kerana sains sosial Barat tidak lengkap” dan “melanggar keperluan yang krusial dari metodologi Islam.” Karya ini penting dalam memperlihatkan falsafah dasar Islam tentang sains dan dalam menekankan “kepentingan spiritualiti sebagai aspek yang sah dari sains sosial dan dalam mencadangkan bahawa ahli sains sosial Islam hendaklah dilatih dalam aksiologi, deontologi, teologi dan estetik, bagi mengembangkan kapasitinya untuk memahami nilai”, yang secara tradisionalnya dicapai melalui “ilmu al-Qur'an, Hadith, Usul, dan Fiqh (serta) Adab (kemanusiaan)”(Daud, 1998).

Pendirian ini dipertahankan oleh Al-Faruqi dengan tuntas dengan menegakkan hujah-hujah yang konstruktif: “Kita mempunyai tugas yang sangat penting dan mendesak di hadapan. Berapa lama kita harus berpuas dengan diri kita dengan remah-remah yang dicampakkan Barat kepada kita? Inilah masanya kita membuat sumbangan kita yang asli. Sebagai ahli sains sosial, kita harus melihat kembali latihan kita dan membentuknya semula dalam sinar al-Qur'an dan Sunnah. Beginilah caranya nenek moyang kita membuat sumbangan mereka yang asli dalam kajian sejarah, hukum dan budaya. Barat meminjam warisan mereka dan mengadunnya dalam acuan Barat. Apakah itu meminta terlalu banyak untuk kita mengambil ilmu pengetahuan ini dan mengislamkannya?”(Al-Faruqi, 1972).

Dalam rangka pengislaman bahasa Inggeris, al-Faruqi memaparkan teori assasnya dalam karya pokoknya, *Toward Islamic English*, yang memberikan analisis yang konstruktif tentang rupa bentuk penyelewengan linguistik dalam bahasa Inggeris yang memerlukan pembaikan dalam transliterasi (ke atas huruf dan perkataan) dan terjemahan (terhadap ungkapan/konsep dan terma/ekspreси Islam yang relevan dengan sains Islam). Ia berusaha untuk memperkaya bahasa Inggeris dengan kosa kata Islam dan “menyuntik ke dalamnya visi baru dan kepekaan spiritual yang baru,” sebagaimana dilontarkannya dengan berkesan dalam bahagian pendahuluannya: “Bahasa Inggeris yang diubahsuai adalah untuk membolehkannya untuk membawa makna dan kata nama Islam yang betul tanpa penyimpangan, dan justeru untuk melayani keperluan linguistik pengguna Muslim terhadap bahasa

Inggeris”(Al-Faruqi, 1986). Buku ini cuba untuk merumus ulang dan merekonstruksi semula terjemahan ke atas istilah-istilah dan konsep dasar yang telah dikurangi, dan seringkali dirosakkan, melalui terjemahan seperti salah, niyah, zakah, hajj, taqwa, siyam, fiqh, usul al-fiqh, hadith, dan lain-lain (dari kosa kata Islam). Ini digambarkan dalam pendiriannya terkait ungkapan salah: “perhatikan sebagai contoh perkataan salah, yang seringkali diterjemahkan sebagai “doa [prayer].” “Doa” adalah sebarang komunikasi dengan apa pun jua yang dianggap sebagai tuhan seseorang, walaupun itu berhala sekalipun”(Al-Faruqi, 1986).

Untuk menghapuskan kekeliruan terhadap makna “baik dalam agama mahupun budaya” beliau mengusulkan supaya istilah tersebut “hendaklah difahami sebagaimana diertikan dalam bentuk Arabnya...penggunaan yang tetap dalam bentuk Arab akan membantu menangkis umat Islam yang berbahasa Inggeris daripada serangan materialisme, utilitarianisme, skeptisisme, relativisme, sekularisme, dan hedonisme yang sejak dua ratus tahun lalu telah tertegak kukuh dalam kesedaran Inggeris. Dan ia akan – insha’ Allah – menyuntik pembaharuan dan pengaruh yang bermanfaat ke dalam kesedaran semua orang Islam yang berbahasa Inggeris, menarik mereka keluar daripada kesulitan yang tragis di zaman moden”(Al-Faruqi, 1986).

Kesusasteraan Inggeris, menurut Md. Mahmudul Hasan mengusung “nilai, etos Barat” dan “mengekalkan sisa-sisa kuat dari paternalisme penjajah yang berlapis-lapis”. Beliau berhujah “di antara semua disiplin ilmu Barat, sastera Inggeris boleh dikatakan sebagai pengendong idea yang sarat-nilai barat paling berbaur budaya. Alhasil, memandangnya dari perspektif Islam akan membenarkan umat Islam untuk mempertahankan nilai dan tradisi sosio-budaya dan agama mereka.” Dari penghujahan dan alasan yang substantif yang ditemukan, upaya al-Faruqi dalam merumuskan dan mengembangkan semula istilah Islam berdasarkan pandangan dunia al-Qur'an cukup krusial bagi “menghubungkan kepentingan konsep kunci Arab-Islam dalam proses pengislaman”(Daud, 1998).

Terdapat juga beberapa kritikan yang dilemparkan terhadap idea IOK al-Faruqi. Ini dapat ditelaah daripada respon Fazlur Rahman dan Syed Muhammad Naquib al-Attas terhadap teori Islamisasi yang

digagaskannya dan daripada pemandangan-pemandangan yang dibawakan dalam karya-karya mereka serta konsep-konsep kunci yang dikemukakan yang mengontekstualisasikan sejarah dan falsafah Islamisasi ilmu itu sendiri. Menjadi perdebatan dan isu yang diperkarakan tentang siapakah perintis sebenar idea Islamisasi ilmu di dunia Islam. Penyorotan terhadap respon daripada Fazlur Rahman dan al-Attas dapat menjawab beberapa kekeliruan terkait dengan idea-idea asas tentang fahaman Islamisasi. Dalam karyanya yang membincangkan idea dan falsafah pendidikan al-Attas, i.e. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*, Wan Mohd Nor Wan Daud membayangkan bahawa al-Attas adalah sosok pertama yang menciptakan istilah Islamisasi ilmu pengetahuan moden (Islamization of modern knowledge) dan mempunyai klaim yang sah sebagai pelopor dan perintis asli konsep asal IOK. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud, terdapat banyak indikasi yang menunjukkan “al-Faruqi mendapat banyak manfaat daripada penulisan al-Attas”. Contohnya, dalam ideanya tentang adab, konsep kulliyyah dan jami‘ah, sifat dualisme, hegemoni sains dan serangan sekular moden, pengenalan semula semua istilah dan konsep kunci Arab-Islam dalam wacana berkaitan Islam dalam bahasa Inggeris dan “kelesuan (ummah) yang lebih dalam pada tingkat intelektual dan moral”(Al-Faruqi, 1982b). Dalam kaitan ini Wan Mohd Nor Wan Daud menyimpulkan: “Dalam kes al-Faruqi, penumpuannya yang mendadak terhadap perjuangan (Islamisasi) dapat dihubungkan kepada pengenalannya yang langsung dengan idea-idea al-Attas melalui banyak perbincangan dan menerusi pembacaan sebenar terhadap manuskrip yang akhir yang menangani masalah tentang kekeliruan dalam pemikiran umat Islam disebabkan pengaruh sekularisasi, pembaratan dan tercabutnya daripada warisan mereka sendiri”(Daud, 1998).

Dalam bukunya *Islam and Culture* yang diterbitkan pada 1980, al-Faruqi telah menunjukkan pengaruh al-Attas dalam penulisannya, sebagai contoh, dalam pemilihannya terhadap terjemahan kata kunci adab, sebagai budaya: “Budaya” kadangkala diterjemahkan sebagai “*thaqafah*,” yang bermaksud tindakan menjadi lebih cerdas dan berpengetahuan. Adalah lebih tepat untuk menerjemahkannya sebagai

“adab”, yang dalam tradisi klasik bermaksud husn (“keindahan, kebaikan”) perkataan, sikap dan perbuatan, seperti yang dinyatakan Nabi (saw) tentang dirinya: “Tuhanmu telah membentuk adabku. Dia telah menyempurna dan memperindahkan adabku”(Al-Faruqi, 1980). Pada tahun 1976, sebagai presiden Pertubuhan Ahli Sains Sosial Islam (AMSS) al-Faruqi telah meminta al-Attas “menyusun sebuah buku dalam 40,000 patah kata bertajuk “Dialogue with Secularism”(Daud, 1998). Ini ditunjukkan dalam suratnya bertarikh 17 Februari 1976, “pengalaman peribadi anda, terutamanya perjuangan anda melawan ahli antropologis, ahli sains politik, pakar linguistik dan sastera, golongan sekularis di semua lapisan kehidupan, pemerintah, universiti, dan lain-lain – semua ini sangat relevan dan patut disusun bagi manfaat umat Islam, di mana saja”(Daud, 1998). Manuskrip tersebut dirampungkan oleh al-Attas dalam beberapa bulan dan dikirim kepada al-Faruqi, yang memaklumkan penerimaannya dalam suratnya yang diutuskan pada tanggal 11 Julai 1977, “Saya membacanya sampai habis dengan senang hati; dan saya dapat katakan yang saya benar-benar berbangga dengan anda dan penulisan anda. Mudah-mudahan Allah merahmati anda dan memberikan anda kehidupan, tenaga dan kekuatan untuk menulis beratus jilid lagi sebaik ini atau lebih baik. Saya tidak mempermasalahkan anda tentang kandungannya. Kerana saya bersetuju dengan semua yang anda katakan...” dan dalam surat menyuratnya dengan al-Attas pada 30 Ogos 1977: “Sukacita dimaklumkan saya telah menerima manuskrip anda “Islam and Secularism” ...saya telah membacanya sampai habis...dan mendapatinya suatu karya yang luar biasa”(Daud, 1998). Ternyata al-Attas adalah sumber utama karya al-Faruqi sebagai diperlihatkan dalam bukunya *Islamization of Knowledge* yang diterbitkannya lima tahun setelah karya al-Attas ‘Dialogue with Secularism’ yang menggemarkan idea dan kemasyghulan al-Attas terkait isu-isu seperti sekularisasi, pembaratan dan modernisasi.

Idea tentang Islamisasi ilmu pengetahuan semasa (*Islamization of present-day knowledge*) ini diartikulasikan oleh al-Attas dalam bukunya *Islam and Secularism* yang menggariskan kesignifikannya sebagai idea penting bagi mereka yang mengejarnya dalam membawa masyarakat ke arah yang benar. Konsisten dengan idea Islamisasi ilmu, al-Attas lanjut

mengartikulasikan ideanya tentang Universiti Islam yang mewakili aspirasi Konferensi Mekah 1977 yang diilhamkannya berdasarkan kerangka asal konsepsinya tentang pendidikan Islam. Dalam suratnya kepada Sekretariat Islam pada 1973, beliau secara konsisten mengulangi ideal falsafah ini untuk mencadangkan pendirian sebuah Universiti Islam yang mencerminkan ide universal atau manusia sempurna (*insan kamil*). Ia mengunjurkan visinya tentang pendidikan dan konsepsi asasnya yang menekankan falsafah nilai dan adab (*ta'dib*): “(hendaknya) universiti Islam diwujudkan yang strukturnya berbeza daripada universiti Barat; yang konsepnya tentang apa yang membentuk ilmu pengetahuan berbeza daripada apa yang ahli falsafah Barat kemukakan sebagai Ilmu pengetahuan; yang tujuan dan aspirasinya berbeza daripada konsepsi Barat. Matlamat pendidikan tinggi dalam Islam adalah...untuk melahirkan manusia yang sempurna, atau manusia universal...ulama Islam adalah manusia yang bukan ahli dalam salah satu cabang ilmu pengetahuan tetapi universal dalam pandangan hidupnya dan berwibawa dalam beberapa cabang pengetahuan terkait” (Daud, 1998). Kemungkinan, ideal ini dilambangkan dalam bangunan dan visi International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) yang didirikan pada 1991. Setelah dua dekad memikirkan idea ini, ia direalisasikan dengan pembukaan historik International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) pada 4 Oktober 1991. Dalam ucapan alu-aluannya, al-Attas menggambarkan ideal dasarnya, dalam mewujudkan kegemilangan dan keupayaan mengklaim semula ketinggian intelektual dan peradaban Islam zaman pertengahan dan memulihkan semula daya kreativitinya yang rasional dan dinamik: “Sebagai perancang dan perencana keseluruhannya, serta perekam dalaman dan tatanan lanskapnya, saya telah berusaha untuk menyampaikan kehadiran Islam; suasana ketenangan di mana seharusnya melahirkan fikiran luhur dan mulia; di mana kezaliman dan kepicikan dan hal sederhana tidak mendapat tempat; di mana hiruk pikuk persengketaan dan kecemasan kehidupan sekular dapat disingkirkan; di mana pencarian intelektual dapat dikejar di tengah-tengah persekitaran yang indah. Saya telah menempatkannya (i.e. ISTAC) sedemikian rupa di mana ia menghadap ke arah qiblah. Majlis pecah tanah telah disempurnakan pada 27 Rajab, yang memperingati Perjalanan Malam junjungan Nabi (saw) ke Langit

yang Tertinggi...tempat di mana tapaknya pertama kali dipecah adalah di mana mangkuk air pancut kini berdiri -air sebagai simbol ilmu pengetahuan”(Daud, 1998).

Pendirian bersejarah ISTAC sejak diasaskan pada 27 Februari 1987 mencerminkan visi yang klasik Pendiri-Pengaruhnya Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam pembangunan kampus yang terancang dan sistematik, yang tercermin dalam kesenian struktur dan lanskap arsitekturnya yang moden dan kreatif, serta pengembangan falsafah pendidikannya yang universal dan komprehensif melalui dasar kurikulum, kursus dan mata kuliah yang dicerakinkan secara substantif di peringkat paska siswazah. Ini seiring dengan semangat dan iltizam untuk mengembalikan semula kegembilangan sejarah, tamadun dan warisan intelek umat dan ketinggian pemikiran dan peranan kreatifnya dalam dunia kontemporer. ISTAC menawarkan program pengajian khusus, dalam disiplin yang luas, dalam bentuk kursus dan penyelidikan dalam tiga bidang kajian utama, yang bertumpang tindih: pemikiran Islam, tamadun Islam dan sains Islam (M. Z. A. Rahman, 2005). ISTAC dianggap sebagai inti universiti Islam, yang “bertujuan menciptakan institusi pengajian yang mencerminkan aspirasi manusia dan pertumbuhan seluruh daya kekuatannya, dan tidak hanya terhadap negara dan fungsinya yang terbatas; dan untuk mewujudkan universiti yang sebenar untuk melahirkan insan sempurna yang bertanggungjawab kepada Tuhan, dan tidak hanya rakyat yang sempurna yang bertanggungjawab hanya kepada negara”(M. Z. A. Rahman, 2005)

Pandangan asas Fazlur Rahman tentang Islamisasi Ilmu dapat digarap dari karya-karya klasiknya seperti Islam and Modernity: Transformation of Intellectual Tradition; Islam; Major Themes of the Qur'an dan dalam artikelnya yang ringkas seperti Islamization of Knowledge: A Response; The Qur'anic Solution of Pakistan's Educational Problems; dan Islamic Modernism: Its Scope, Method and Alternatives yang secara konklusif menegakkan pendirian dan pemandangannya tentang Islamisasi. Beliau menulis dengan meluas tentang falsafah Islam dan metafizik dan cabaran kemodenan Barat dan menganalisis dengan tuntas gerakan pembaharuan Islam yang timbul lewat kurun ke-19, serta struktur dan tema-tema asas al-Qur'an. Al-Attas

memandangnya sebagai “salah seorang sarjana Muslim yang paling tersohor dalam falsafah Islam dan Yunani, terutamanya tentang Ibn Sina”(Daud, 2012). Dalam artikelnya yang bertajuk Islamization of Knowledge: A Response, Rahman membincangkan kerangka falsafah terkait konsep ilmu dan memberikan beberapa perspektif dasar tentang subjek tersebut berdasarkan pengalamannya sendiri “dalam keduanya pengetahuan Islam dan Barat”(F. Rahman, 1998). Beliau berpendapat bahawa “Ilmu pengetahuan adalah alat yang penggunaan baik atau buruknya bergantung pada kualiti etika penggunanya”(F. Rahman, 1998). Pandangan ini diperkuuh dalam bukunya Islam and Modernity, di mana beliau memaknai perjuangan untuk mengislamkan pendidikan kaum Muslim, dengan “menyuluhinya dengan beberapa konsep kunci Islam” yang melibatkan dua aspek intelektual: pertama, untuk membentuk karakter pelajar dengan nilai-nilai Islam bagi kehidupan peribadi dan kolektif; kedua, untuk mengilhami bidang pengajian tinggi dengan nilai-nilai Islam”(Daud, 1998). Beliau juga menekankan keperluan bagi “tugas intelektual untuk menguraikan metafizika Islam berlandaskan al-Qur'an” – metafizik yang selaras dengan semangat al-Qur'an dan tersuluh dengan weltanschauung al-Qur'an.

Dalam hubungan ini ikhtiar bagi mereformasi pendidikan didahuluikan ketimbang terlibat dalam pertarungan perihal ilmu Islam dan sekular, sebagaimana digambarkan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud: “lantaran kekecewaan Fazlur Rahman yang agak wajar dengan pembelajaran tradisional Islam kontemporer di mana beliau memandang untuk memperbarahuinya lebih dahulu sebelum membahaskan tentang Islamisasi ilmu pengetahuan sekular”(Daud, 1998). Tumpuannya dalam agenda Islamisasi adalah terhadap upaya rekonstruksi sosial dan politik, pembaharuan undang-undang, pendidikan dan metafizik.

Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud, yang telah berkesempatan mendapatkan bimbingan dan penyeliaan Fazlur Rahman tatkala di University of Chicago, “Fazlur Rahman adalah peserta yang lewat dan tidak langsung dalam agenda Islamisasi ilmu: minatnya pada Islamisasi, yang bermula ketika beliau bekerja rapat dengan rejim Ayyub Khan pada 1960an, terpusat sebahagian besarnya dalam lapangan undang-undang”. Naungan yang diperolehnya telah menjadikannya Pengarah Central

Institute of Islamic Research (1961) yang “mempromosikan Islam dalam kehidupan seharian masyarakat.” Dalam konteks inilah beliau cuba mengislamkan sistem hukum dan mengartikulasikan isu-isu Islam yang signifikan. Karyanya yang luar biasa tentang metafizik dan falsafah Islam memberi pengaruh yang positif di dunia Islam meskipun beliau tidak menghasilkan sebarang penulisan yang signifikan dalam mengartikulasikan idea-idea falsafah dan ilmiah tentang wacana ilmu dan mengemukakan teks yang fundamental tentang Islamisasi ilmu: “istilah ‘Islamisasi’ yang digunakan oleh Fazlur Rahman dalam tempoh ini adalah samar, tanpa makna yang positif yang diberikan kepadanya; struktur dan metodenya tidak diketahui olehnya”(Daud, 1998).

Mungkin ianya instruktif untuk menyimpulkan pembentangan ini dengan rumusan dari Wan Mohd Nor Wan Daud, dalam mengungkapkan sumbangan al-Faruqi, al-Attas, Seyyed Hossein Nasr dan Fazlur Rahman terhadap idea dan konsep Islamisasi ilmu dari tinjauannya yang menyeluruh terhadap penulisan mereka: “Mungkin berguna untuk menyebut bahawa Fazlur Rahman, Seyyed Hossein Nasr, Isma‘il R. al-Faruqi dan Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah empat sosok cendekia yang diakui dengan meluas dan terkait secara historik (yang diberikan kesempatan untuk menerapkan idea pendidikan Islam mereka di peringkat institusi)”(Daud, 1998).

Untuk merungkai pertikaian seumpamanya terkait siapakah pertama kali memperkenalkan idea IOK sudah hilang signifikasinya, kerana ia adalah usaha selari yang menyasarkan tujuan yang sama, dan bukan pertembungan idea atau pandangan dunia, sebagaimana diungkapkan oleh DS Anwar dalam perbincangannya tentang idea al-Faruqi dan al-Attas dalam mereformasi pendidikan Islam:

“Pada fikiran saya, dan dalam hal ini, ia mungkin membentuk pandangan yang berbenturan, ketimbang daripada melihatnya sebagai pertembungan pendapat, saya melihat pertemuan dalam pendekatan antara al-Faruqi dan al-Attas. Jika saya dapat menggunakan tamsil mengenai Baytul Haram, terdapat banyak jalan ke tanah suci di dalam Islam tetapi dengan jalan mana pun yang ditempuh, destinasi terakhirnya tetap Ka‘abah. Dalam kedua-dua pendekatan mereka, kita dapat mengesani keprihatinan

yang sama terhadap kebangkitan semula ilmu dan pemikiran Islam”(Ibrahim, 2013).

## Kesimpulan

Tulisan ini telah memperlihatkan sumbangan Ismail Raji al-Faruqi dalam mengembangkan idea Islamisasi ilmu dan kesungguhannya menegakkan pandangan dunia yang modern dan inklusif. Perjuangannya membawa kesan yang penting dan menentukan dalam menggembling pembaharuan budaya dan intelek di dunia Islam. Idealisme yang kritis dan mengesankan tentang faham tauhid dan Islamisasi pengetahuan memberi pengaruh yang mendalam dalam gerakan pembaharuan dan kebangkitan moden. Aspirasi ini turut didengungkan oleh eksponen Islamisasi yang lain seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Fazlur Rahman yang mempelopori upaya awal yang konstruktif dalam menggerakkan pembaharuan melalui karya-karya pemikiran mereka yang krusial dalam merealisasikan projek Islamisasi ilmu. Gagasan Islamisasi yang dirumuskan al-Faruqi harus dikembangkan dengan lebih meluas dalam bidang pendidikan di semua peringkat. Dalam merealisasikannya, seseorang harus menginsafi idealisme perjuangannya untuk membawa kesedaran dan memimpin tamadun khayr ummah, dan iltizam bagi mengangkat harakat pemikiran dan ijтиhad dan menanam kesedaran tauhid berpangkalan idealisme dan pandangan dunia Islam yang progresif dan seimbang.

## DAFTAR PUSTAKA

- Al-Faruqi, I. R. (1972). Presidential Address. *The Association of Muslim Social Scientists, First Annual Conference*.
- Al-Faruqi, I. R. (1980). *Islam and Culture*. ABIM.
- Al-Faruqi, I. R. (1982a). *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. International Institute of Islamic Thought.
- Al-Faruqi, I. R. (1982b). *Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. IIIT.
- Al-Faruqi, I. R. (1986). *Toward Islamic English*. International Institute of

Islamic Thought.

- Al-Faruqi, I. R. (1990). The First Principles of Islamic Methodology. *Islamic Thought and Scientific Creativity*, 5(1), 37–50.
- Ali, M. M. (2019). *The History and Philosophy of Islamization of Knowledge: A Preliminary Study of Pioneers' Thought*. IIUM Press.
- Bigliardi, S. (2012). Barbour's Typologies and the Contemporary Debate on Islam and Science. *Zygon*, 47(3), 501–519.
- Daud, W. M. N. W. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Daud, W. M. N. W. (2012). *Rihlah Ilmiah: Dari Neomodernisme ke Islamisasi Ilmu*. UTM-CASIS.
- Faruqi, I. R. al F. dan L. L. al. (1986). *Cultural Atlas of Islam*. Macmillan Publishing Company.
- Halim, M. A. (2007). *A Study of the Thought of Ismail Faruqi on Science, Islam and Modernity*. Universiti Malaya.
- Haneef, M. A. (2005). *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*. Research Centre IIUM.
- Hassan, M. K. (2011). Al-Wasatiyyah as understood and defined by Islamic Scholars in contemporary Singapore and its consistency with Ismail Al Faruqi's vision of Ummatan Wasatan. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 28(3), 35–57.
- Ibrahim, A. (2013). The Reform of Muslim Education and the Quest for Intellectual Renewal. *Symposium Reform of Higher Education in Muslim Societies*.
- Muzaffar, C. (2002). Morality in Public Life: The Challenge Before Religion. *American Journal of Islam and Society*, 19(3), 90–110.
- Naseef, I. R. al-F. dan A. O. (1981). *Social and Natural Sciences: The Islamic Perspective*. King Abdul Aziz University.
- Rahman, F. (1998). Islamization of Knowledge: A Response. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 5(1), 3–12.
- Rahman, M. Z. A. (2005). Postgraduate Research in Islamic Thought and

- Civilization, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) Malaysia. *Malaysian Journal of Library and Information Science*, 10(1), 49–64.
- Yusuf, I. (2012). Islam and Knowledge: Al Faruqi's Concept Of Religion In Islamic Thought. *I.B. Tauris in Association with IIIT and the Prince Alwaleed Bin Talal Centre for Muslim-Christian Understanding*.
- Zuriati Mohd Rashid, E. A. Z. E. A. (2010). Al-Faruqi and his views on comparative religion. *International Journal of Business and Social Science*, 1(1), 106–119.